



RASA TERIMA KASIH I

Pada awal tahun 2023, Leong Yong Bo (6 Resilience) telah mengambil keputusan untuk membantu kawan kelasnya, Wong Xin Yu yang berasa gementar untuk menduduki ujian WA. Yong Bo telah mengajak Xin Yu untuk mengulang kaji pelajaran Matematiknya selepas waktu sekolah. Dia juga banyak memberi Xin Yu kata-kata perangsang dan menenangkan dirinya. Yong Bo meyakinkan Xin Yu bahawa dia boleh berjaya jika dia tidak berasa stres dan belajar secara konsisten.

Akhirnya, Yong Bo bangga melihat Xin Yu berjaya meraih keputusan yang cemerlang dan mendapat markah yang lebih baik daripadanya. Xin Yu amat berterima kasih kepada Yong Bo yang telah banyak membantunya. Sebagai sahabat, kita mesti saling tolong-menolong dan tidak lokek berkongsi ilmu.



Dilaporkan oleh: Zafyr Zuraimi (4RE)



RASA TERIMA KASIH 2

Aaradhy Singh murid darjah 4 Resilience. Semasa dia berada di darjah 3, dia telah berkawan dengan seorang murid lelaki, Thavenesh Rao. Pada waktu itu, Thavenesh perlu menggunakan kerusi roda semenjak menjalani pembedahan semasa dia di darjah 1. Pada masa itu, Aaradhy tidak berpeluang untuk membantu Thavenesh. Tahun ini, Aaradhy telah dilantik menjadi ketua kelas. Dia pun mengambil keputusan untuk membantu Thavenesh. Pada waktu rehat, Aaradhy akan membantu untuk menolak kerusi roda Thavenesh ke kantin. Jika Thavenesh tidak hadir ke sekolah, Aaradhy akan mencatatkan semua pesanan guru agar Thavenesh tidak ketinggalan dalam pelajarannya. Thavenesh bersyukur dan bertuah kerana ada seorang rakan seperti Aaradhy.

Dilaporkan oleh: Soffiyyah Addiniyah Md Hairuz (4RE)




RASA TERIMA KASIH KEPADA KELUARGA, KAWAN-KAWAN & NEGARA



Kami berterima kasih kepada keluarga kami kerana mereka menyediakan semua barang keperluan kami dan meluangkan masa bersama kami.



Terima kasih kawan-kawan kerana menolong kami dan membuat kami gembira apabila kami berasa sedih. Kawan-kawan juga memberi kami semangat untuk belajar.



Kami berterima kasih kepada Singapura kerana kami berasa selamat tinggal di sini. Kami juga menerima enam tahun pendidikan wajib di sekolah rendah.

Dilaporkan oleh:
Mishall Narbella Maswadi (4RT)



Md Waqiyuddin Haziq Zainuddin (4RY)

